



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SAMBUTAN HARI KESIHATAN MENTAL SEDUNIA 2022

Masalah kesihatan mental merupakan antara isu kesihatan awam yang menjadi semakin penting. Kesihatan awam menumpukan usaha untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan untuk mengesan, mencegah serta bertindak balas terhadap wabak atau jangkitan penyakit.

Walau bagaimanapun, isu kesihatan mental sering menjadi antara punca utama yang menjejaskan kesejahteraan fizikal dan sosial seseorang individu. Hal ini menjadikan penjagaan kesihatan mental amat penting untuk mencapai matlamat kesihatan awam.

Justeru, Hari Kesihatan Mental Sedunia disambut setiap tahun pada 10 Oktober dan tema pada tahun ini adalah '**Kesihatan dan Kesejahteraan Mental Keutamaan Global**', selari dengan tema peringkat global yang ditetapkan oleh *World Federation for Mental Health (WFMH)*.

Ia bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran kesihatan mental di seluruh dunia serta menggerakkan usaha-usaha bagi menyokong kepentingan kesihatan mental dan pada tahun ini, sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia menumpukan perhatian terhadap peranan semua pihak dalam menjadikan kesihatan dan kesejahteraan mental sebagai keutamaan di peringkat global.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan kadar kemurungan dan keresahan di peringkat global telah meningkat lebih daripada 25 peratus pada tahun pertama pandemik COVID-19, iaitu pertambahan kepada hampir satu (1) billion individu yang telah sedia ada mengalami gangguan kesihatan mental.

Di Malaysia pula, **trend peningkatan** permasalahan kesihatan mental, termasuklah tingkah laku bunuh diri, turut membimbangkan dengan trend kejadian kes bunuh diri menunjukkan peningkatan ketara iaitu sebanyak 81% pada tahun 2021 (1,142 kes) berbanding dengan 631 kes yang dilaporkan pada tahun 2020. Hal ini menuntut tindakan segera diambil ke arah mengutamakan kesejahteraan mental masyarakat.

Sejak pandemik COVID-19 melanda negara pada tahun 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama-sama agensi kerajaan dan NGO telah menyediakan **Talian Bantuan Perkhidmatan Sokongan Psikososial (MHPSS)** bagi membantu individu yang memerlukan sokongan. Statistik penggunaan perkhidmatan ini telah menunjukkan **peningkatan hampir lima (5) kali ganda pada tahun 2021** (212,319 panggilan) berbanding pada tahun 2020 (44,061 panggilan).

Bagi memudahkan orang awam mengakses perkhidmatan ini, KKM akan **menambahbaik perkhidmatan ini** dengan mewujudkan talian 5-digit, atau dikenali sebagai **Talian HEAL 15555**. Talian ini akan **mula beroperasi pada 21 Oktober 2022** secara berperingkat bermula dengan pengguna telekomunikasi TM dan Unifi Mobile. Pengguna juga boleh mengakses Talian Heal melalui talian kecemasan 999 dan operator akan menyambungkan ke talian 15555.

Talian ini adalah satu daripada **inisiatif di bawah Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan**. Sehubungan itu, KKM menyambut baik komitmen kerajaan untuk memperuntukkan RM34 juta bagi pusat kecemerlangan tersebut melalui Bajet 2023 yang dibentangkan pada 7 Oktober 2022 lalu.

Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan ini atau *National Centre of Excellence for Mental Health* (NCEMH) akan bertindak sebagai pusat peneraju koordinasi aktiviti kesihatan mental yang menggabungkan komponen kesihatan awam, perubatan dan penyelidikan.

Dalam pada itu antara cabaran utama dalam memastikan kesihatan dan kesejahteraan mental adalah jurang di dalam aspek pembiayaan kesihatan mental. Ketidakseimbangan yang wujud menyebabkan individu yang mengalami gangguan kesihatan mental tidak mendapat rawatan yang sewajarnya.

Menyedari hakikat ini dan kepentingan untuk Keluarga Malaysia memiliki kesejahteraan dan kesihatan mental, kerajaan dalam pengumuman Bajet 2023 telah memperuntukkan sebanyak **RM413.58 juta** untuk Program Kesihatan Mental dan Psikiatri, iaitu peningkatan sebanyak **2.42 peratus** berbanding tahun 2022.

KKM akan terus komited dalam memberikan perkhidmatan kesihatan mental yang terbaik kepada Keluarga Malaysia melalui fasiliti kesihatan termasuk 60 buah hospital; 1,161 buah klinik kesihatan dan 35 buah Pusat Kesihatan Mental Masyarakat. Kerjasama di antara pihak kerajaan, NGO dan komuniti perlu diperkukuhkan bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan mental diri sendiri, ahli keluarga dan masyarakat dapat dicapai.

Sebagai menyokong usaha secara bersama ini, sejumlah peruntukan **dana sebanyak RM6.2 juta telah diagihkan kepada NGO kesihatan mental** yang bergiat aktif dalam **melaksanakan advokasi kesihatan mental**. Usaha ini diharap dapat menambahbaik tahap literasi dan memperkasakan masyarakat serta keluarga untuk membantu individu yang mempunyai masalah kesihatan mental mendapatkan rawatan dan bantuan yang sewajarnya.

KHAIRY JAMALUDDIN
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

10 OKTOBER 2022